The image of the public practice needs to be enhanced to ensure higher respect for the profession. This could be achieved by ensuring members in public practice maintain the highest level of competency, integrity and independence.

With numerous new rules and regulations affecting our practitioners, greater co-operation between the Institute and the various regulatory bodies is needed to ensure that the overall interest of the profession is being protected. Here, it is important that the dialogues with the respective regulators serve not only to convey our views to the authorities, but also to project the right image of the Institute and the profession as a whole to the authorities and other stakeholders.

During the period under review, several major issues were dealt with, which included the issue of independence relating to auditors accepting assignments from their close family relations, the complication that arises in the registration of partners who are non-resident by the Institute, and the approval of branch exemption.

2. Working Groups/Task Force

During the period under review, the PPTC established several working groups/task force and also participated in the working groups of other professional bodies :

a. The PPTC, through the Working Group on the Amendments of the Co-operative Act, 1993 submitted a proposal to amend certain areas of the Co-operative Act, following the Government's request for feedback from the Institute in its effort to update the Act.

b. The PPTC also initiated a Working Group to study the possible exemption of small company audit and its impact on our practitioners.

c. The PPTC dealt with issues confronting the Malaysian capital market through a joint Securities Guidelines Working Group with other professional bodies to enable a more cohesive stand to be taken by the profession.

d. The PPTC initiated a Technology Practice Task Force to assist practitioners to move into areas of IT-related services in line with the progress of the knowledge-based economy in Malaysia.

Firma yang menyediakan perkhidmatan kepada entiti yang disenaraikan dijangka dapat memainkan peranan mengawas dengan efektif, dengan ini mereka diharapkan dapat beroperasi pada tahap kualiti yang lebih tinggi. Malahan antara entiti yang tidak disenaraikan, Pejabat Pendaftar Syarikat menekankan pematuhan Seksyen 174(8) dan juga penggunaan piawaian perakaunan semasa telah mengakibatkan tekanan yang tinggi ke atas akauntan bagi memastikan taraf piawaian ditingkatkan dalam perkhidmatan yang mereka tawarkan. PPTC yakin bahawa inisiatif untuk menjalankan Semakan Semula Amalan seperti yang akan dinyatakan selepas ini akhirnya akan meningkatkan piawaian amalan ahli-ahli.

c. *Permintaan Pasaran Mempengaruhi Pelbagai Perkhidmatan*

Oleh sebab profesion ini wujud disebabkan oleh jangkaan perniagaan, adalah wajar bagi profesion ini bergerak balas dengan permintaan pasaran. Gerak balas yang cekap dan berkesan dalam menawarkan perkhidmatan yang diperlukan oleh pasaran merupakan salah satu faktor utama kejayaan dalam amalan awam. PPTC berhasrat untuk membantu ahli-ahli firma dalam menyesuaikan keadaan dengan permintaan pasaran yang berterusan berubah.

d. *Imej Amalan Awam dan Kerjasama dengan Agensi Berperaturan yang Lain*

Imej amalan awam perlu ditingkatkan bagi memastikan profesion ini dipandang tinggi. Ini boleh dicapai dengan memastikan para ahli dalam amalan awam mengekalkan tahap kewibawaan, integriti dan kebebasan yang tinggi.

Dengan pelbagai peraturan dan undang-undang baru yang mempengaruhi pengamal, kerjasama yang lebih erat antara Institut dengan beberapa badan kawalselia diperlukan untuk memastikan kepentingan profesion ini dilindungi. Di sini, tujuan mengadakan dialog-dialog dengan badan kawalselia masing-masing bukan sahaja untuk menyampaikan pandangan kepada pihak berkuasa, tetapi juga untuk menggambarkan imej baik Institut dan profesion keseluruhannya kepada pihak berkuasa dan pemegang kepentingan yang lain.

Sepanjang tempoh yang dilaporkan ini, beberapa isu utama telah dibincangkan, termasuk isu kebebasan berkaitan dengan juruaudit yang menerima tugasan daripada keluarga yang mempunyai kaitan rapat, kerumitan yang timbul dalam pendaftaran rakan kongsi yang bukan pemastautin oleh Institut, dan kelulusan pengecualian cawangan.

2. *Kumpulan Kerja/Badan Bertindak*

Sepanjang tempoh yang dilaporkan ini, PPTC telah menubuhkan beberapa kumpulan kerja/badan bertindak dan mengambil bahagian dalam kumpulan kerja badan-badan profesional yang lain :

a. *PPTC, melalui Badan Bertindak bagi Pindaan Akta Koperasi, 1993 telah menyerahkan usul untuk meminda bahagian-bahagian tertentu dalam Akta Koperasi, sehubungan dengan permintaan Kerajaan untuk mendapatkan maklum balas daripada Institut dalam usaha untuk mengemas kini Akta tersebut.*

b. *PPTC juga turut memperkenalkan satu Badan Bertindak untuk mengkaji pengecualian bagi audit syarikat kecil dan kesannya ke atas pengamal.*

c. *PPTC telah membincangkan isu-isu berhubung dengan pasaran modal Malaysia melalui gabungan Badan Bertindak Garis Panduan Sekuriti dengan badan-badan profesional yang lain untuk mendapatkan pendirian yang lebih padu bagi profesion ini.*

d. *PPTC turut memperkenalkan Badan Bertindak Amalan Teknologi untuk membantu para pengamal menceburi bidang perkhidmatan berkaitan IT sejajar dengan pembangunan ekonomi dasar ilmu pengetahuan di Malaysia.*

3. Other Initiatives

During the review period, the PPTC Chairman had a dialogue session with practitioners in Johore. However, due to changes in the governance of the Institute, the planned dialogue sessions in other states have been temporarily deferred. It is envisaged that in the interest of the practitioners that this type of dialogue would be organised on a regular basis, so as to enable the PPTC to have direct feedback from members in public practice and to respond to the challenges facing them.

In addition, following the changes to the Accountants Act, 1967, many of the By-Laws will be realigned, so as to conform with the newly-amended Act. The PPTC has finalised the review of the guidelines on member firms' web page, the By-Law on Advertising and the use of a standard designation, and has submitted them to the Council for deliberation and subsequent approval.

Further, the inaugural Commencement of Practice seminar was launched. This seminar was aimed at preparing our members who intend to set up their own practices or to practise as a partner in an audit firm. It also helped them to understand the various aspects of being a professional entrepreneur. Plans are being made to develop the second series of this seminar to cater to more established practitioners confronted with different practice issues.

The PPTC will also be undertaking a major project in the area of Practice Review to ensure that certain minimum standards are being observed in the course of the auditing of a company's accounts. It is envisaged that the emphasis of the first cycle of Practice Review, perhaps over 3 to 5 years, will be educational, so that our practitioners will be given all the opportunities to upgrade their operational standards.

Members are equally encouraged to visit the Institute's website at http://www.mia.org.my (under the Technical heading) to get the first-hand knowledge of recent practice issues affecting the profession.

4. Taxation

In line with the emphasis of the Government on tax compliance following the implementation of the self-assessment regime, greater emphasis has been accorded for practice matters relating to tax. The PPTC has been pro-active in dealing with the tax authorities on tax issues affecting members in public practice.

In view of this emphasis, the PPTC has been actively participating in the tax dialogues with the Inland Revenue Board (IRB). A main dialogue with IRB was held on 2 April 2001 to discuss the various operational issues that have arisen, following the implementation of the self-assessment regime. This was followed by tax dialogues at the various branches throughout the country.

In addition, PPTC members have been invited to sit on the Technical Panel of the IRB in providing input towards the proposed tax rulings and guidelines. This provides another opportunity for the Institute to put forward the concerns of its practising members with respect to tax issues. It is hoped that with the high-level involvement of the Institute at this Technical Panel, many contentious issues (e.g. the interpretation of Section 114) can be resolved before such rulings and guidelines are issued as a guide to the public.

A standing arrangement has also been formalised following the invitation by the Malaysian Institute of Taxation (MIT) to PPTC to nominate 4 PPTC members to sit in the Technical Committee under MIT. With the close co-operation with MIT, the Institute is confident that the interest of MIA members insofar as taxation is concerned will be fully taken into consideration.

In June 2001, the 2002 Budget Memorandum Working Group under the PPTC formulated a Budget Memorandum for the Institute, which was submitted to the Ministry of Finance in conjunction with the National Budget Year

3. Usaha-usaha Lain

Sepanjang tempoh yang dilaporkan ini, Pengerusi PPTC telah mengadakan sesi dialog bersama-sama para pengamal di Johor. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh perubahan dalam pentadbiran, sesi dialog yang dirancang untuk negeri-negeri lain terpaksa ditangguhkan untuk sementara waktu. Demi kepentingan pengamal, dialog sebegini akan terus diadakan, dengan cara ini PPTC mendapat maklum balas terus daripada para ahli dalam amalan awam dan memberikan gerak balas terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka.

Selain itu, merujuk kepada pindaan terhadap Akta Akauntan, 1967, terdapat banyak Undang-undang Kecil yang akan diselaraskan mengikut Akta yang baru dipinda. PPTC telah selesai menyemak semula garis panduan bagi laman web ahli-ahli firma, Undang-undang Kecil Pengiklanan dan penggunaan gelaran yang standard dan mengemukakannya ke Majlis untuk dipertimbangkan dan seterusnya diluluskan.

Seterusnya, seminar Memulakan Amalan yang pertama telah dilancarkan. Tujuan seminar ini diadakan adalah sebagai persediaan kepada para ahli yang ingin menjalankan amalan sendiri atau menjadi rakan kongsi di sesebuah firma audit. Ini juga dapat membantu mereka memahami pelbagai aspek menjadi usahawan profesional. Perancangan telah dibuat untuk mengadakan siri seminar yang kedua untuk membantu lebih ramai pengamal yang telah bertapak menghadapi isu amalan yang berbeza.

PPTC juga akan mengendalikan projek yang besar dalam bidang Semakan Semula Amalan bagi memastikan piawaian minima tertentu dipatuhi ketika menjalankan audit ke atas akaun-akaun syarikat. Adalah dijangkakan penekanan untuk kitaran pertama Semakan Semula Amalan, berkemungkinan untuk tempoh 3 hingga 5 tahun, adalah berpelajaran, dengan ini pengamal diberikan peluang untuk meningkatkan piawaian operasi mereka.

Para ahli juga digalakkan melawat laman web Institut beralamat http://www.mia.org.my (di bawah tajuk Teknikal) untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan isu amalan yang mempengaruhi profesion ini.

4. Percukaian

Selaras dengan penekanan Kerajaan tentang pematuhan cukai berikutan pelaksanaan sistem taksir diri, penekanan yang lebih telah diatur bagi perkara-perkara amalan yang berkaitan dengan percukaian. PPTC bertindak proaktif ketika berurusan dengan pihak berkuasa percukaian dalam isu-isu cukai yang mempengaruhi para ahli dalam amalan awam.

Berdasarkan penekanan ini, PPTC telah melibatkan diri dengan aktif dalam dialog cukai bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Dialog utama dengan LHDN telah diadakan pada 2 April 2001 untuk membincangkan pelbagai isu operasi yang timbul, berikutan pelaksanaan sistem taksir diri. Ini diikuti dengan dialog-dialog cukai di beberapa cawangan di seluruh negeri.

Selain itu, ahli PPTC telah dijemput untuk menduduki Panel Teknikal LHDN dalam menyediakan input terhadap garis panduan dan peraturan cukai yang dicadangkan. Ini memberi peluang kepada Institut untuk mengemukakan isu-isu berkaitan cukai yang melibatkan ahli-ahli amalan. Adalah diharapkan dengan penglibatan Institut di peringkat yang tinggi ini, iaitu Panel Teknikal, pelbagai isu kontroversi (contohnya interpretasi Seksyen 114) dapat diselesaikan sebelum ia dikeluarkan sebagai peraturan dan garis panduan kepada orang awam.

Persetujuan tetap juga telah dipersetujui setelah mendapat jemputan daripada pihak Institut Percukaian Malaysia (MIT) untuk mencadangkan 4 ahli PPTC menduduki Jawatankuasa Teknikal di bawah MIT. Melalui kerjasama yang erat dengan MIT, pihak Institut berkeyakinan kepentingan ahli IAM mengenai perkara-perkara yang berkaitan percukaian diambilkira dengan sewajarnya.

Dalam bulan Jun 2001, Badan Bertindak Memorandum Belanjawan 2002 di bawah PPTC telah menyediakan Memorandum Belanjawan bagi pihak Institut, untuk dikemukakan ke Kementerian Kewangan bersempena dengan

2002. Members contributed many constructive views and proposals for the Government's consideration, far exceeding the experience in the past.

The PPTC is also considering the possibility of disseminating the standard tax engagement letter under the current self-assessment regime and a checklist for tax agents on the submission of Form C under the same regime.

5. Increase in the Number of Member Firms

During the year, the Institute registered 92 audit firms (42 in 2000) and 31 non-audit firms (64 in 2000), which brought the total number of audit firms and non-audit firms to 1,198 and 209 respectively as at 30 June 2001. The following is a tabulation of the distribution of our member firms (audit and non-audit firms) in Malaysia.

No. of Member Firms by State
(as at 30 June 2001)

State	No. of Audit Firms	No. of Non-audit Firms	Total No. of Firms
Federal Territory	485	55	540
Selangor	207	32	239
Johore	104	26	130
Penang	93	19	112
Perak	58	33	91
Sarawak	75	14	89
Sabah	72	7	79
Kedah	22	12	34
Malacca	29	3	32
Negeri Sembilan	17	3	20
Pahang	13	4	17
Terengganu	13	1	14
Kelantan	10	0	10

ACCOUNTING AND AUDITING

1. Financial Statements Review

In line with the Institute's regulatory function, the institution of the Financial Statements Review is one of the most important functions of Accounting and Auditing Committee (AAC), which was established in October 2000, following the merger of the Financial Reporting Board and the Auditing Standards Board.

The objective of the review is to monitor the quality of the financial statements to ensure compliance with statutory requirements, accounting and auditing standards, and generally accepted accounting principles.

The criteria for selection of annual reports for review for year 2001 are as follows :

- Between 50 and 80 annual reports of non-listed companies filed with the ROC;
- Gross assets : 10% of the above number of annual reports would consist of companies with gross assets of less than RM5 million and the remaining 90% should have gross assets of more than RM5 million; and
- Financial statements must be for financial years ended on or after June 2000.

Belanjawan Negara Tahun 2002. Para ahli telah menyumbangkan pandangan dan cadangan yang membina untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan, melampaui pengalaman yang dilalui pada masa lepas.

PPTC juga sedang mempertimbangkan pengedaran surat pelantikan cukai yang standard di bawah sistem taksir diri dan senarai semak bagi ejen cukai sebelum menyerahkan Borang C di bawah sistem tersebut.

5. *Peningkatan Bilangan Ahli Firma*

Sepanjang tahun ini, sebanyak 92 firma audit (42 dalam tahun 2000) dan 31 firma bukan audit (64 dalam tahun 2000) berdaftar dengan Institut, membawa kepada jumlah 1,198 dan 209 firma audit dan firma bukan audit, pada 30 Jun 2001. Berikut ialah jadual taburan ahli-ahli firma (audit dan bukan audit) di Malaysia.

Bilangan Ahli-ahli Firma Mengikut Negeri
(sehingga 30 Jun 2001)

Negeri	Bilangan Firma Audit	Bilangan Firma Bukan Audit	Jumlah Firma
Wilayah Persekutuan	485	55	540
Selangor	207	32	239
Johor	104	26	130
Pulau Pinang	93	19	112
Perak	58	33	91
Sarawak	75	14	89
Sabah	72	7	79
Kedah	22	12	34
Melaka	29	3	32
Negeri Sembilan	17	3	20
Pahang	13	4	17
Terengganu	13	1	14
Kelantan	10	0	10

PERAKAUNAN DAN PENGAUDITAN

1. *Penelitian Penyata Kewangan*

Selaras dengan fungsi Institut sebagai sebuah badan berperaturan, tugas-tugas meneliti penyata kewangan merupakan salah satu tanggungjawab Jawatankuasa Piawaian Perakaunan dan Pengauditan sejak Oktober 2000, berikutan penggabungan Lembaga Laporan Kewangan dengan Lembaga Piawaian Pengauditan.

Objektif penelitian ini adalah untuk mengawasi kualiti penyata kewangan serta memastikan pematuhan kepada keperluan berkanun, piawai perakaunan dan pengauditan, serta piawai perakaunan yang diterima umum.

Antara kriteria pemilihan laporan tahunan bagi tujuan penelitian untuk tahun 2001 adalah seperti yang berikut :

- *Antara 50 hingga 80 laporan tahunan syarikat tak tersenarai yang difailkan dengan Pejabat Pendaftaran Syarikat;*
- *Aset kasar : 10% daripada bilangan laporan tahunan di atas adalah syarikat yang memiliki aset kasar kurang daripada RM5 juta dan baki 90% daripadanya memiliki aset kasar lebih daripada RM5 juta; dan*
- *Penyata kewangan mestilah merupakan laporan tahunan bagi tahun berakhir pada atau selepas Jun 2000.*

The ACC is also required to give its expert opinion on matters of compliance with respect to financial statements referred to the Institute's Investigation Committee by KLSE, Securities Commission (SC) and all other referrals, including the public.

2. Accounting Standards

During the year, the AAC was actively involved in carrying out its functions in respect of issues on accounting standards and their applications.

The AAC reviewed and commented on the following Malaysian Accounting Standards Board (MASB) exposure drafts :

- MASB ED 26 - Financial Reporting by Unit Trusts
- MASB ED 27 - Property Development Activities
- MASB ED 28 - Goodwill
- MASB ED 30 - Interim Financial Reporting
- MASB ED I - 1 - Presentation of the Financial Statements of Islamic Banks and Similar Financial Institutions

Further, the AAC issued a sample Annual Report with reference to approved accounting standards and approved auditing standards effective as at 31 March 2001 to members of the Institute.

The Standards Department continued to be involved in the technical review of the financial reporting section of the book on Malaysian GAAP published by Commerce Clearing House (M) Sdn Bhd. The Standards Department was also actively involved in the work of the MASB by its participation in the various working groups of the MASB.

3. Auditing Standards

The functions and objectives of the AAC in respect of auditing standards are, *inter alia*, the making of pronouncements on statements of auditing standards, issuing Recommended Practice Guides (RPGs) and technical bulletins.

In fulfilling its objectives, the AAC issued 2 technical bulletins as RPGs, i.e. Technical Bulletin 1/98 on Auditor's Report - Companies Act, 1965 and Technical Bulletin 2/98 on Reports and Qualifications. The following RPGs were issued :

- RPG No. 3 : Auditor's Report - Companies Act, 1965
- RPG No. 4 : Reports and Qualifications

The AAC is currently in the process of finalising 2 technical bulletins on the Letter of Engagement and Confirmation Requests.

Altogether, 6 new pronouncements of the International Auditing Practices Committee (IAPC) were issued by the AAC as Exposure Draft to members for comments. The 6 documents issued are as follows :

- ISA 100 - Assurance Engagements
- ISA 260 - Communications of Audit Matters with those Charged with Governance
- ISA 505 - External Confirmations
- ISA 570 (new) - Going Concern
- IAPS 1010 - The Consideration of Environmental Matters in the Audit of Financial Statements
- New Glossary of Terms

Jawatankuasa Piawaian Perakaunan dan Pengauditan juga dikehendaki mengemukakan pendapat pakar tentang perkara-perkara berkaitan pematuhan penyata kewangan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Institut oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan juga semua rujukan lain, termasuk orang awam.

2. *Piawaian Perakaunan*

Dalam tahun ini, Jawatankuasa Piawaian Perakaunan dan Pengauditan telah terlibat secara aktif dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isu-isu serta aplikasi piawaian perakaunan.

Jawatankuasa juga telah meneliti dan mengulas tentang draf dedahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) iaitu :

- *MASB ED 26* - Financial Reporting by Unit Trusts
- *MASB ED 27* - Property Development Activities
- *MASB ED 28* – Goodwill
- *MASB ED 30* – Interim Financial Reporting
- *MASB ED I - 1* - Presentation of the Financial Statements of Islamic Banks and Similar Financial Institutions

Selanjutnya, jawatankuasa telah menerbitkan contoh Laporan Tahunan berserta rujukan terhadap piawai perakaunan dan pengauditan yang diluluskan, berkuatkuasa pada 31 Mac 2001 kepada ahli-ahli Institut.

Jabatan Piawaian IAM masih meneruskan penglibatannya dalam penyemakan teknikal bahagian laporan kewangan di dalam buku 'Malaysian GAAP' *yang diterbitkan oleh Commerce Clearing House (M) Sdn Bhd. Selain itu, jabatan ini juga terlibat secara aktif dalam beberapa kumpulan kerja yang dianjurkan oleh MASB.*

3. *Piawaian Pengauditan*

Fungsi dan objektif Lembaga Perakaunan dan Pengauditan (AAC), antara lainnya, ialah menyediakan keterangan tentang pernyataan piawaian pengauditan, menerbitkan Cadangan Panduan Amalan (RPGs) dan buletin-buletin teknikal.

Dalam memenuhi objektifnya, AAC telah menerbitkan 2 buletin teknikal sebagai RPGs, iaitu Buletin Teknikal 1/98: Laporan Juruaudit - Akta Syarikat 1965 dan Buletin Teknikal 2/98: Laporan dan Kelayakan. RPG berikut telah diterbitkan :

- *RPG No. 3 : Laporan Juruaudit - Akta Syarikat 1965*
- *RPG No. 4 : Laporan dan Kelayakan*

Buat masa ini, AAC sedang dalam proses peringkat akhir untuk menerbitkan 2 buletin teknikal iaitu Surat Pelantikan dan Permintaan Pengesahan.

Secara keseluruhannya, terdapat 6 pernyataan baru daripada International Auditing Practices Committee (IAPC) *yang telah diterbitkan oleh AAC sebagai Draf Dedahan kepada ahli-ahli untuk diulas. 6 dokumen tersebut adalah seperti yang berikut :*

- *ISA 100* - Assurance Engagements
- *ISA 260* - Communications of Audit Matters with those Charged with Governance
- *ISA 505* - External Confirmations
- *ISA 570 (baru)* - Going Concern
- *IAPS 1010* - The Consideration of Environmental Matters in the Audit of Financial Statements
- New Glossary of Terms

The AAC also submitted to the International Auditing Practices Committee (IAPC) its views on 2 documents issued for comments by the IAPC, namely, 'The Auditor's Report on Financial Statements - Revised ISA 700' and 'The Relationship between Banking Supervisors and Bank's External Auditors'.

Further, with respect to the recommendation of the Implementation Project Team of the High Level Finance Committee on to the periodic change of audit partners and standard benchmark fee increase, the Institute has submitted its view as follows :

- Periodic change of audit partners and/or audit firms is not practical at this moment; and
- Any revision to the present benchmark fees will not be appropriate; thus it is best left to market forces.

On the international scene, the Institute was actively involved in the Board of the IAPC. Mr Lam Kee Soon, Council Member of the Institute, served as the IAPC Technical Advisor to the Board member, Mr Sukanta Dutt.

The Standards Department is involved in the technical review of the Malaysian Audit Manual published by Commerce Clearing House (M) Sdn Bhd.

INSOLVENCY AND COMPANY LAW PRACTICE

Following the Institute's AGM on 30 September 2000, the Insolvency and Company Law Practice Committee (ICLPC) was formed, as a result of the merger between the Insolvency and Corporate Restructuring Practice Board (ICRPB) and the Company Law Practice Board (CLPB). The Council's objective was to reduce the number of Committees.

However, at the ICLPC meeting held on 17 April 2001, most of the Committee members were of the view that the newly-merged Committee should be divided into 2 separate Committees, i.e. Insolvency and Corporate Restructuring Practice Committee and Company Law Practice Committee, and that these Committees should be chaired by 2 different Chairmen based on the following reasons :

- Differing interests of members in company law and insolvency law practice; and
- Difficulty of working in a large group which may affect the efficiency and effectiveness of the initial purpose of the respective Committees.

The ICLPC, therefore, sought the Council's approval to separate the Committee into :

- Insolvency and Corporate Restructuring Practice Committee; and
- Company Law Practice Committee.

I. Insolvency and Corporate Restructuring Practice Board (1 July 2000 - 30 September 2000)

The ICRPB comprises experienced insolvency and legal practitioners from large to small public accounting, legal practices and the banking industry.

Among the issues considered by the Board during the abovementioned period are as follows :

1. Income Tax Clearance from IRB

   The Board considered the issue of delay on the part of the IRB in responding to cases where the companies have been dissolved. Upon deliberation, it was resolved that liquidators should write to the IRB informing their intention to dissolve the company and in the event the IRB did not respond within a reasonable period, the

AAC juga telah menghantar pandangannya kepada International Auditing Practices Committee (IAPC) *terhadap 2 dokumen yang telah diterbitkan oleh IAPC untuk diulas iaitu,* 'The Auditor's Report on Financial Statements' - *ISA 700 (semakan) dan* 'The Relationship between Banking Supervisors and Bank's External Auditors'.

Selain itu, berhubung dengan syor Jawatankuasa Kewangan Tahap Tinggi, Pasukan Pelaksanaan Projek terhadap perubahan berkala rakan kongsi audit dan tanda aras yuran standard, Institut telah menghantar pandangannya seperti yang berikut :

- *Perubahan berkala rakan kongsi audit dan/atau firma audit adalah tidak praktikal buat masa ini; dan*
- *Apa-apa semakan terhadap tanda aras yuran adalah tidak wajar; jadi adalah lebih baik dibiarkan kepada kuasa pasaran.*

Dari pandangan antarabangsa pula, Institut telah terlibat secara aktif di dalam Lembaga IAPC. Encik Lam Kee Soon, Ahli Majlis Institut, berkhidmat sebagai Penasihat Teknikal IAPC kepada Ahli Lembaga, Encik Sukanta Dutt.

Bahagian Standard terlibat di dalam penyemakan teknikal kepada Malaysian Audit Manual yang di terbitkan oleh Commerce Clearing House (M) Sdn. Bhd.

AMALAN INSOLVENSI DAN UNDANG-UNDANG SYARIKAT

Berikutan Mesyuarat Agung Tahunan Institut pada 30 September 2000, Jawatankuasa Amalan Insolvensi dan Undang-Undang Syarikat (ICLPC) telah ditubuhkan hasil daripada penggabungan antara Lembaga Amalan Insolvensi dan Penstrukturan Semula Syarikat (ICRPB) dan Lembaga Amalan Undang-Undang Syarikat (CLPB). Objektif Majlis adalah untuk mengurangkan bilangan ahli Jawatankuasa.

Walau bagaimanapun, di mesyuarat ICLPC pada 17 April 2001, kebanyakan ahli Jawatankuasa berpandangan bahawa Jawatankuasa yang baru digabungkan itu patut dibahagikan kepada 2 Jawatankuasa yang berlainan, iaitu Jawatankuasa Amalan Insolvensi dan Penstrukturan Semula Syarikat dan Jawatankuasa Amalan Undang-Undang Syarikat; dan kedua-dua Jawatankuasa patut diduduki oleh 2 pengerusi yang berbeza berdasarkan sebab-sebab yang berikut :

- *Kepentingan yang berbeza di kalangan ahli Amalan Undang-Undang Syarikat dan Amalan Insolvensi; dan*
- *Kesukaran untuk bekerja dalam kumpulan yang besar dan boleh mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan matlamat sebenar Jawatankuasa masing-masing.*

Oleh itu, ICLPC memerlukan persetujuan Majlis untuk mengasingkan Jawatankuasa kepada :

- *Jawatankuasa Amalan Insolvensi dan Penstrukturan Semula Syarikat; dan*
- *Jawatankuasa Amalan Undang-undang Syarikat*

I. Lembaga Amalan Insolvensi dan Penstrukturan Semula Syarikat *(1 Julai 2000 - 30 September 2000)*

ICRPB terdiri daripada pengamal insolvensi dan undang-undang yang berpengalaman, dari industri perakaunan awam, amalan undang-undang dan perbankan yang besar sehinggalah yang kecil.

Antara isu yang dipertimbangkan oleh Majlis semasa tempoh yang tersebut di atas adalah seperti yang berikut :

1. *Pelepasan Cukai Pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)*

   Lembaga mempertimbangkan isu kelewatan pihak LHDN dalam menyelesaikan kes-kes pembubaran syarikat. Setelah berbincang, diputuskan bahawa penyelesai syarikat harus menulis kepada LHDN memberitahu hasrat mereka untuk membubarkan syarikat dan sekiranya LHDN tidak bertindak dalam jangka masa yang sesuai, dividend will be distributed to the creditors. At this instance, the Board was of the view that personal liability upon liquidators pursuant to S.75(2) of the Income Tax Act, 1967 will not operate.

In respect of Form C sent by the IRB to the liquidator, the Board agreed that although the company has been dissolved, this form should be returned uncompleted to the IRB, with the liquidator's covering letter informing the IRB that the company in question has already been dissolved and therefore it is not within the liquidator's capacity to fill up such form.

2. Appointment of Alternate Liquidators

The Board established a Task Force to consider the appointment of private liquidators as Court Liquidators on a rotational basis. This was due to the Official Receiver of Malaysia's request for the practitioners' assistance in handling liquidated companies where there is no nomination of approved liquidator. The proposal has been prepared and finalised by the Task Force and will be submitted to the Official Receiver's office.

3. Special Administrators under Danaharta Act, 1998

The Board considered the issue in respect of whether Special Administrators appointed under the Danaharta Act, 1998 who act as shareholders, directors and subsequently as liquidators of the Special Purpose Vehicle (SPV) are in breach of MIA By-Laws and Companies Act, 1965.

Upon deliberation of the issue, the Board agreed that it is for the respective members being familiar with the law and the Code of Ethics to decide on the question of conflict of interest on a case-by-case basis.

4. Proposal for Insolvency Law Reform

The Board agreed that there should be a separate Act in respect of Insolvency Law provisions. Upon discussion, a Task Force was established to prepare a proposal on this issue and 5 members of the Board, including the Chairman, have been nominated to be members of this newly-formed Task Force.

II. Company Law Practice Board (1 July 2000 - 30 September 2000)

1. Prescription of Submission of Company's Statement of Accounts

The Board considered the issue in respect of the requirement by the ROC for endorsement by Company Secretaries that the Statement of Account is qualified or unqualified before the same is submitted for filing with the ROC. However, practitioners regarded this new requirement as additional liability attached to Company Secretaries.

The ROC's representative in the Company Law Forum (CLF) clarified that all Company Secretaries are assured that there will be no additional liability imposed on them as the endorsement is merely to assist them in sorting out the Statement of Accounts of companies. The ROC is expected to issue a circular to further clarify their intention on the matter.

2. Exemption of Audit Requirement for Small Private Entities

The issue of the possibility of exemption from audit requirement for small private entities has raised concerns among members in public practice. At the CLF, the Registrar of Companies clarified that his office had considered the issue, but has no intention to implement the exemption of audit for small private entities in the near future and assured that the relevant bodies will be consulted before implementing the same.

dividen akan dibahagikan kepada pemiutang. Dalam situasi ini, Lembaga berpendapat bahawa tiada liabiliti persendirian ke atas penyelesai syarikat selaras dengan S. 75(2) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Berhubung dengan Borang C yang dihantar oleh LHDN kepada penyelesai syarikat, Lembaga bersetuju, walaupun syarikat telah dibubarkan, borang tidak lengkap harus dipulangkan kepada LHDN, berserta dengan surat keterangan penyelesai syarikat bagi memaklumkan LHDN bahawa syarikat berkenaan sudah dibubarkan. Oleh itu, ia di luar bidang kuasa penyelesai syarikat untuk melengkapkan borang tersebut.

2. *Pelantikan Penyelesai Secara Bergilir*

   Lembaga telah menubuhkan Badan Bertindak untuk mempertimbangkan pelantikan penyelesai syarikat persendirian sebagai Penyelesai Mahkamah secara bergilir. Ini adalah disebabkan oleh Pegawai Penerima Malaysia yang meminta bantuan pengamal untuk mengawasi syarikat yang dibubarkan apabila tiada pencalonan bagi penyelesai syarikat bertauliah dibuat. Cadangan itu telah disediakan dan disemak di peringkat akhir oleh Badan Bertindak dan akan dihantar ke pejabat Pegawai Penerima.

3. *Pentadbir Khas di bawah Akta Danaharta, 1998*

   Lembaga telah menimbangkan isu dari sudut sama ada Pentadbir Khas yang dilantik di bawah Akta Danaharta, 1998 yang juga sebagai pemegang syer, pengarah dan seterusnya penyelesai syarikat kepada Special Purpose Vehicle (SPV), *melanggar Undang-undang kecil IAM dan Akta Syarikat, 1965.*

   Setelah mempertimbangkan isu tersebut, Lembaga bersetuju bahawa ahli-ahli yang berkenaan perlu menimbangkan sendiri dengan mengambilkira undang-undang serta Kod Etika dalam menentukan sama ada terdapatnya konflik di dalam hak dan kepentingan berdasarkan kes demi kes.

4. *Cadangan untuk Pembaharuan Undang-undang Insolvensi*

   Lembaga telah bersetuju perlunya suatu Akta berasingan dari sudut peruntukan terhadap Undang-undang Insolvensi. Dalam perbincangan tersebut, satu Badan Bertindak telah ditubuhkan untuk menyediakan cadangan terhadap isu berkenaan dan seramai 5 orang ahli Lembaga, termasuk Pengerusi, telah dicalonkan sebagai ahli Badan Bertindak yang baru ini.

II. Lembaga Pengamal Undang-undang Syarikat *(1 Julai 2000 - 30 September 2000)*

1. *Peraturan Penyerahan Penyata Akaun Syarikat*

   Lembaga telah mempertimbangkan isu berkenaan dan kehendak Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) untuk pengesahan daripada Setiausaha Syarikat bahawa penyata akaun adalah berkecuali atau tidak berkecuali sebelum ia diserahkan kepada ROC untuk difailkan. Namun begitu, para pengamal menganggap bahawa kehendak ini adalah suatu tanggungan tambahan ke atas Setiausaha Syarikat.

   Wakil dari ROC di dalam Forum Undang-undang Syarikat (CLF) menjelaskan bahawa semua Setiausaha Syarikat adalah dijamin bahawa tiada liabiliti tambahan dikenakan ke atas mereka kerana pengesahan tersebut hanya untuk membantu mereka dalam mengenal pasti Penyata Akaun Syarikat. Pihak ROC dijangka mengeluarkan surat pekeliling untuk penjelasan lebih lanjut mengenainya.

2. *Pengecualian terhadap Keperluan Audit untuk Entiti Persendirian Kecil*

   Isu mengenai kemungkinan pengecualian terhadap keperluan audit untuk entiti persendirian kecil telah menarik perhatian kalangan ahli-ahli pengamal awam. Di dalam CLF, Pendaftar Syarikat telah menjelaskan bahawa mereka telah mempertimbangkan isu ini, tetapi belum bercadang untuk melaksanakan pengecualian terhadap keperluan audit untuk entiti persendirian kecil dalam jangka masa terdekat dan memberi jaminan bahawa akan ada perundingan dengan badan-badan yang berkaitan sebelum ia dilaksanakan.

However, the Board has decided to play a pro-active role on this issue and will refer the matter to the Public Practice Board (PPB) for its opinion. A paper will then be jointly prepared by the Secretariat of PPB and CLPB. The finalised paper will only be submitted to the ROC when the need arises.

3. Alternate Directors - Powers and Limitation

   The Board considered the issue on the powers of alternate director and its limitations in respect of their authority to sign the Directors' Report in the absence of the principal director. After considering the provision of Article 82 of the Fourth Schedule of the Companies Act, 1965, the Board agreed that alternate directors are recognised by law as directors and, therefore, as long as proper resolution has been passed in the directors' meeting and the appropriate authorisation is given by the directors, such alternate director may sign the directors' report on behalf of the Board.

4. Associate Director - Article 94, 4th Schedule of the Companies Act, 1965 Definition

   The Board discussed the powers and limitations of the associate director. The Board then discussed the definition of associate director pursuant to Article 94 of the Fourth Schedule of the Companies Act, 1965. After deliberation, the Board agreed that an associate director is not a director in substance, but merely an ordinary officer who is entitled to use the word "director" for his/her position in a company but does not form part of the Board of Directors.

5. Dividends Declared After Financial Year End but Before AGM - Interim or Final Dividend? For the Financial Year or Out of Profit of a Financial Year?

   The Board considered the issue on whether dividends declared after the year end but before the AGM will be considered as an interim or final dividend. After deliberation, the Board agreed that dividend declared after the financial year will be considered as an interim dividend for the next financial year.

6. Limitation in the Number of Object Clauses

   The ROC had issued a ruling in limiting object clauses in the Memorandum and Articles of Association (M&A) to only 3. In response to the limitation of object clauses ruling, the Board agreed that a study needs to be conducted to compare between the pre-printed M&A and the Third Schedule of the Companies Act, 1965, so that the powers prescribed under the Third Schedule may be enhanced. The findings of this study will be incorporated into a proposal which is to be submitted to the ROC.

7. Accounting Period More Than 12 Months

   Section 143(1) states that the AGM of a particular company must be held once in a every calendar year and not more than 15 months after the last preceding AGM, while Section 169(1) provides that the profit and loss and the balance sheet of a company shall be made up to the date 6 months before the date of the meeting are laid before the company at its AGM.

   The Board agreed that reconciling the above 2 sections would mean that accounting period can be more than 12 months but cannot exceed 15 months. Even though the company can apply for an extension of the AGM date to the ROC, as far as the accounting period is concerned, it cannot be extended to more than 15 months or 18 months for the company in the first year of its incorporation.

Walau bagaimanapun, Lembaga telah memutuskan untuk memainkan peranan yang lebih aktif berkenaan dengan isu ini dan akan merujuk kepada Lembaga Pengamal Awam (PPB) untuk mendapatkan pandangan mereka. Satu kertas kerja akan disediakan secara usaha sama antara Sekretariat PPB dan CLPB. Kertas muktamad akan hanya diserahkan kepada ROC apabila terdapat keperluan untuk dibangkitkan.

3. *Pengarah Gantian - Kuasa dan Batasan*

   Lembaga telah mempertimbangkan isu tentang pengarah giliran serta batasannya dari sudut kuasa menandatangani Laporan Pengarah di kala ketiadaan Ketua Pengarah. Setelah memikirkan peruntukan terhadap Artikel 82 di dalam Jadual ke-4 Akta Syarikat 1965, Lembaga bersetuju tentang pengarah giliran juga dikenal pasti sebagai Pengarah dari segi undang-undang, oleh itu, selagi resolusi dibuat secara betul dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah serta kuasa mereka, pengarah giliran boleh menandatangani laporan bagi pihak lembaga.

4. *Pengarah Bersekutu - Artikel 94, Jadual ke-4 Akta Syarikat 1965*

   Lembaga telah membincangkan mengenai kuasa dan batasan pengarah bersekutu. Seterusnya, Lembaga telah membincangkan mengenai tafsiran pengarah bersekutu selaras dengan Artikel 94, Jadual ke-4 Akta Syarikat, 1965. Selepas penelitian, Lembaga telah bersetuju bahawa Pengarah Bersekutu bukanlah pengarah yang berpengaruh, cuma ia hanya merupakan pegawai biasa yang berhak menggunakan perkataan 'pengarah' bagi kedudukannya di dalam sesebuah syarikat tetapi tidak sebagai sebahagian daripada Lembaga Pengarah.

5. *Pengisytiharan Dividen selepas Tahun Kewangan Berakhir tetapi sebelum Mesyuarat Agung Tahunan - Dividen Interim atau Akhir? Bagi Tahun Kewangan atau dari Keuntungan pada Tahun Kewangan tersebut?*

   Lembaga telah mempertimbangkan isu sama ada dividen yang diisytiharkan selepas tahun berakhir tetapi sebelum Mesyuarat Agung Tahunan adalah merupakan dividen interim atau dividen akhir. Selepas perbincangan, Lembaga bersetuju tentang pengisytiharan dividen selepas tahun kewangan berakhir adalah merupakan dividen interim untuk tahun kewangan pada tahun hadapan.

6. *Batasan Bilangan Objek dalam Sesuatu Perenggan*

   ROC telah mengeluarkan peraturan mengenai had bilangan objek dalam sesuatu perenggan dalam Memorandum and Articles of Association (M&A) *kepada 3 sahaja. Sebagai gerak balas terhadap batasan undang-undang berkenaan, Lembaga telah bersetuju bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk membuat perbandingan antara M&A yang sedia dicetak dengan Jadual ke-3 Akta Syarikat, 1965, oleh itu, kuasa yang dikemukakan di bawah Jadual ke-3 mungkin akan diperluas. Keputusan kajian ini akan disertakan dalam cadangan yang akan dihantar ke ROC.*

7. *Jangka masa Akaun melebihi 12 bulan*

   Seksyen 143(1) menyatakan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan sesebuah syarikat mestilah diadakan sekali dalam tahun kalendar dan tidak melebihi 15 bulan selepas Mesyuarat Agung Tahun yang terdahulu, sementara Seksyen 169(1) menyatakan Akaun Untung Rugi serta Lembaran Imbangan sesebuah syarikat harus disiapkan dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh mesyuarat itu dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan syarikat tersebut.

   Dalam menyelaraskan kedua-dua seksyen di atas, Lembaga bersetuju supaya jangka masa akaun boleh melebihi 12 bulan tetapi tidak melebihi 15 bulan. Walaupun syarikat boleh meminta untuk menangguh tarikh Mesyuarat Agung Tahunan dari ROC, selagi tertakluk kepada jangka masa akaun, ia tidak boleh melebihi 15 bulan atau 18 bulan untuk syarikat dalam tahun pertama selepas ia didaftarkan.

INVESTIGATION AND DISCIPLINARY

One of the Institute's main functions under the Accountants Act, 1967 is the regulation of the practice of the profession of accountancy in Malaysia. There are 2 Statutory Committees under the Accountants Act, 1967, namely, the Investigation Committee and the Disciplinary Committee, with the primary objective of looking into various complaints of unprofessional conduct and unethical practices alleged to have been committed by accountants.

Accountants practising in Malaysia must comply with all the Rules, By-laws, standards and guidelines issued by the Institute from time to time and be competent and professional at all times. Investigation and disciplinary proceedings will be initiated against any member who does not comply with the professional and ethical standards should a complaint be lodged against that member. The Disciplinary Committee may reprimand, fine, suspend, or remove from the register any member found guilty of unprofessional conduct or of breaching any Rule or By-Law of the Institute.

The Investigation Committee considered and deliberated on allegations of misconduct and unethical practices against accountants over the course of 13 Investigation Committee meetings held during the review period. The number of cases pending investigation as at 1 July 2000 was 15. During the period under review, 13 new cases were lodged with the Investigation Committee, bringing the total number of cases to 28. Of these cases, investigations were completed on 15 cases, 10 of which were dismissed and closed, while 5 others were referred to the Disciplinary Committee. Investigations are pending in respect of 13 cases as at 30 June 2001.

The Disciplinary Committee conducted 1 disciplinary hearing for a member whose case of alleged unprofessional conduct was referred to it by the Investigation Committee. Disciplinary action was taken against the member who was found to be guilty of unprofessional conduct and of breaching the Institute's By-Laws. The member was reprimanded and fined. As at the end of the financial year, the Disciplinary Committee has 8 cases pending hearing.

As for appeals against the Disciplinary Committee's decisions, 1 case is pending hearing at the High Court and 3 other cases are awaiting to be heard at the Court of Appeal.

INTERNAL AUDIT

During the year, the Internal Audit Committee organised a few projects which were intended to create awareness among internal auditors who are MIA members, as well as students of both the institutions of higher learning and professional bodies.

The projects during the review period include the following :

1. Essay Competition

An essay competition is being planned for this year, following the success of the previous year's competition. It will be open to all students of the institutions of higher learning and professional bodies in Malaysia. The winners of the competition will be awarded cash prizes and a one-year free subscription of *Akauntan Nasional*.

2. Evening Talks

The Committee has initiated a few topics for evening talks. The topics will focus on current issues, i.e. Audit Committee, Statement on Internal Controls and The Auditing and Security of E-commerce and Banking.

FINANCIAL AND MANAGEMENT ACCOUNTING

The Institute's Financial and Management Accounting Committee (FMAC) was formed to provide for the development and support of financial and management accountants in the country. It seeks to provide a forum for exchange of

PENYIASATAN DAN TATATERTIB

Salah satu fungsi utama Institut di bawah Akta Akauntan, 1967 ialah mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia. Terdapat 2 Jawatankuasa Berkanun di bawah Akta Akauntan, 1967, iaitu Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Penyiasatan dengan objektif utamanya meneliti pelbagai aduan mengenai perlakuan tidak profesional dan amalan tidak beretika yang dilakukan oleh para akauntan.

Amalan perakaunan di Malaysia hendaklah mematuhi semua Kaedah-keadah, Undang-undang Kecil, garis panduan dan piawaian yang dikeluarkan oleh pihak institut dari masa ke semasa, berwibawa dan profesional sepanjang masa. Prosiding tatatertib dan penyiasatan akan dijalankan ke atas ahli yang tidak mematuhi piawaian etika dan profesional dan aduan akan disampaikan kepada ahli tersebut. Jawatankuasa Tatatertib akan memberi amaran, mendenda, menggantung atau membatalkan keahliannya daripada Institut jika mereka didapati bersalah atas perlakuan yang tidak profesional atau melanggar mana-mana Kaedah dan Undang-undang Kecil Institut.

Jawatankuasa Penyiasatan telah mempertimbangkan dan membincangkan mengenai tuduhan salahlaku dan amalan tidak beretika terhadap para akauntan dalam 13 Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan yang telah berlangsung semasa tempoh yang dilaporkan. Sebanyak 15 kes yang masih belum disiasat sehingga 1 Julai 2000. Sepanjang tempoh penelitian, 13 kes baru telah dilaporkan ke Jawatankuasa ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes sebanyak 28. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 kes telah pun selesai, 10 kes telah ditamatkan dan ditutup, sementara 5 kes lagi dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib. Sebanyak 13 kes masih belum disiasat sehingga 30 Jun 2001.

Jawatankuasa Tatatertib telah memperdengarkan satu kes melibatkan perlakuan tidak profesional ahli yang diserahkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan. Tindakan tatatertib telah diambil terhadap ahli yang didapati bersikap tidak profesional dan melanggar Undang-undang Kecil Institut. Ahli terbabit telah diberi amaran dan didenda. Setakat tamatnya tempoh tahun kewangan, Jawatankuasa Tatatertib mempunyai 8 kes yang belum diperdengarkan lagi.

Bagi rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib, satu kes sedang dalam proses di Mahkamah Tinggi dan 3 lagi sedang menunggu untuk dibicarakan di Mahkamah Rayuan.

AUDIT DALAMAN

Pada tahun ini, Jawatankuasa Audit Dalaman telah menganjurkan beberapa projek yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan juruaudit dalam yang juga ahli Institut berserta para pelajar institusi pengajian tinggi dan para pelajar badan perakaunan profesional di Malaysia.

Projek-projek terkini Jawatankuasa adalah seperti yang berikut :

1. *Pertandingan Esei*

Satu pertandingan esei akan dianjurkan bagi tahun ini berikutan dengan kejayaan pertandingan esei tahun lalu. Pertandingan adalah terbuka kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi berserta para pelajar badan perakaunan profesional di Malaysia. Para pemenang pertandingan akan menerima hadiah wang tunai berserta langganan percuma Akauntan Nasional selama satu tahun.

2. *Bincang Petang*

Jawatankuasa telah mengusulkan beberapa topik bagi bincang petang. Topik-topik akan difokuskan kepada isu-isu semasa seperti "Jawatankuasa Audit", "Penyata Kawalan Dalaman" dan "Pengauditan dan Kawalan Keselamatan e-Dagang dan Perbankan".

KEWANGAN DAN PERAKAUNAN PENGURUSAN

Jawatankuasa Kewangan dan Perakaunan Pengurusan (FMAC) Institut telah ditubuhkan bagi melengkapkan pembangunan dan sokongan kewangan dan pengurusan akauntan di negara ini. Ia berusaha untuk mengadakan information regarding current developments and emerging issues that shape the financial and management accounting profession.

Di bawah pengawasan Jawatankuasa, Cawangan telah bekerjasama rapat dengan semua persatuan perakaunan berdaftar dan Sekolah Pengurusan, USM untuk mencapai kesatuan dan kerjasama dalam profesion ke tahap yang tertinggi.

Cawangan bersama-sama dengan Jabatan CPD, Institut telah menganjurkan 9 program CPD di Pulau Pinang sepanjang Oktober 2000 - Jun 2001. Antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah perjumpaan Kelab 'Toastmaster' *di pejabat cawangan pada Khamis minggu ke-2 dan ke-4 setiap bulan, manakala Forum Akauntan disiarkan secara sidang elektronik.*

Note : Previously, Penang Branch was under the purview of the Northern Branch that was based in Penang. Under the stewardship of Mr Neoh Chin Wah, the Branch organised several activities to meet members' needs and the business community in the northern region.

The activities included the Evening Talks that held on the third Thursday of every month. Speakers were sourced from the 'Big 5', multinational companies and health professional agencies who covered various topics of interest.

In its continuing effort to develop stronger ties among members and also to commemorate the Branch's 13th Anniversary, the Branch organised the Northern Branch Annual Dinner on 5 August 2000. Penang's Chief Minister, YAB Tan Sri Dr Koh Tsu Koon was invited as the Guest-of-Honour. He was represented by the State Executive Councillor, YB Dato' Toh Kin Woon.

The Branch initiated the set-up of a new Branch office, which was officially opened on 6 August 2000. Over 60 members packed the new conference room to witness the official opening by the then President, YBhg Dato' Syed Amin Aljeffri in a "key handing over" ceremony to Branch Chairman, Mr Neoh Chin Wah. The Northern Branch Secretariat, which was set up in September 1994, has now been relocated to a bigger premises, equipped with a library, reading room and conference room. Thereafter, a members' dialogue on the future of the accountancy profession, in anticipation of the proposed amendments to the Accountants Act, 1967, was held.

Previously the states of Kedah and Perlis were under the purview of the Northern Branch that was based in Penang. With the dissolution of regional groupings, 2 separate entities were formed, i.e. Penang Branch to cater to members in Penang and the Kedah/Perlis Centre to oversee the needs of MIA members in Kedah and Perlis. As the Centre was only established on 1 February 2001, it is very much in its infancy. Encik Baqir Hussain was appointed as Centre Chairman (see Kedah & Perlis Centre section below) and the Centre held its inaugural Committee meeting on 4 March 2001.

KEDAH AND PERLIS CENTRE

The Centre has prepared and submitted a budget proposal to the Council for the period April 2001 until June 2002, which is awaiting approval. Among the activities planned for the duration are CPD forums, courtesy visits to the IRB, ROC and the Accountant-General's office, and an Annual Dinner.

The Institute continues to play an active role in the promotion of business activities in Kedah and Perlis. At the Kedah Business Council meeting on 14 March 2001, Centre Vice Chairman Mr Por Lee Tee represented the Institute as a Committee member. The Kedah Business Council is a state government sponsored body to promote business activities in the IMT-GT Growth Triangle and Foreign Investments. At the Centre's second Committee meeting on 20 May 2001, Encik Baqir Hussain informed the Committee of his transfer to Kuala Lumpur and conveyed his intention to relinquish his chairmanship. Pending a final decision, all Centre matters are now overseen by Mr Por Lee Tee who is based in Alor Setar.

In the pipeline is a workshop for members on new accounting standards issued by the Malaysian Accounting Standards Board. The workshop is scheduled to be held in early July 2001.

PERAK BRANCH

On 23 September 2000, the Branch Annual Dinner was held at the Casuarina Parkroyal, Ipoh. Earlier that day, a members' dialogue was held with the MIA President.

A total of 5 Committee meetings were held during July 2000-June 2001. Numerous seminars were conducted, with the most notable being the Budget Seminar held at the Casuarina Parkroyal, Ipoh on 4 November 2000. Over 40 participants attended the seminar presented by Mr Harpal Singh.

Nota : *Sebelum ini, Cawangan Pulau Pinang berada di bawah Cawangan Utara berpusat di Pulau Pinang. Di bawah pengawasan Encik Neoh Chin Wah, Cawangan telah mengadakan beberapa aktiviti bagi memenuhi keperluan ahli-ahli dan komuniti perniagaan di kawasan utara.*

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk Bincang Petang pada Khamis ke-3 setiap bulan. Para penceramah didatangkan daripada 'Big 5', syarikat-syarikat multinasional dan agensi-agensi kesihatan profesional yang mencakupi pelbagai topik terpilih.

Dalam usaha berterusan untuk membangunkan hubungan teguh dengan ahli-ahli dan bagi meraikan Ulang tahun Cawangan yang ke-13, satu majlis jamuan makan malam tahunan telah diadakan pada 5 Ogos 2000. Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tan Sri Koh Tsu Koon diundang sebagai tetamu kehormat. Beliau telah diwakili oleh YB Dato' Toh Kin Woon, Ahli Dewan Undangan Negeri.

Atas daya usaha Cawangan juga, Pejabat Cawangan baru telah dibuka secara rasmi pada 6 Ogos 2000. Lebih 60 ahli telah memenuhi dewan persidangan untuk menyaksikan upacara rasmi pembukaan oleh Presiden, YBhg Dato' Syed Amin Aljeffri dalam acara penyerahan kunci kepada Pengerusi Cawangan, Encik Neoh Chin Wah. Sekretariat Cawangan Utara yang ditubuhkan pada September 1994, telah berpindah ke premis baru yang dilengkapkan dengan perpustakaan, bilik bacaan dan dewan persidangan. Dengan itu, dialog bersama ahli tentang masa depan profesion perakaunan, bersempena cadangan pindaan Akta Akauntan, 1967 telah diadakan di sini.

Sebelum ini negeri Kedah dan Perlis adalah di bawah kelolaan Cawangan Utara berpusat di Pulau Pinang. Dengan pembubaran kawasan, 2 entiti berasingan telah dibentuk iaitu Cawangan Pulau Pinang untuk menguruskan ahli-ahli di Pulau Pinang dan Pusat Kedah/Perlis untuk mengawasi keperluan ahli-ahli IAM di negeri Kedah dan Perlis. Ditubuhkan pada 1 Februari 2001, Pusat ini masih dianggap setahun jagung. Encik Baqir Hussain telah dilantik sebagai Pengerusi Pusat (rujuk bahagian Pusat Kedah/Perlis di bawah) dan ia telah mengadakan mesyuarat jawatankuasanya pada 4 Mac 2001.

PUSAT KEDAH DAN PERLIS

Pusat ini telah menyedia dan menghantar cadangan belanjawannya kepada Majlis bagi tempoh April 2001 hingga Jun 2002, dan masih menunggu kelulusan. Antara aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk jangka waktu tersebut adalah forum-forum CPD, kunjungan hormat ke LHDN, ROC dan pejabat Akauntan Negara dan juga Majlis Makan Malam Tahunan.

Pihak Institut terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan aktiviti perniagaan di Kedah dan Perlis, Encik Por Lee Tee, Naib Pengerusi Pusat telah mewakili Institut ke mesyuarat Dewan Perniagaan Negeri Kedah pada 14 Mac 2001 lalu. Dewan Perniagaan Negeri Kedah adalah badan tajaan negeri untuk mempromosikan aktiviti perniagaan dalam Pertumbuhan Segi tiga IMT-GT dan Pelaburan Asing. Pada mesyuarat ke-2 Jawatankuasa Pusat bertarikh 20 Mei 2001, Encik Baqir Hussain memaklumkan perpindahannya ke Kuala Lumpur dan menyatakan hasrat untuk melepaskan jawatannya kepada jawatankuasa. Sehingga keputusan akhir dibuat, semua perkara berkenaan Pusat ini akan diambilalih oleh Encik Por Lee Tee yang bertempat di Alor Setar.

Sebuah bengkel berkenaan dengan piawaian-piawaian perakaunan baru yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia sedang dirangka untuk ahli-ahli. Bengkel tersebut dijadual akan berlangsung pada awal bulan Julai 2001.

CAWANGAN PERAK

Jamuan Makan Malam Tahunan Cawangan telah diadakan pada 23 September 2001 di Casuarina Parkroyal, Ipoh. Sehari sebelumnya, satu Dialog Ahli diadakan bersama-sama dengan Presiden IAM.

Sejumlah 5 mesyuarat Jawatankuasa dijalankan sepanjang Julai 2000 - Jun 2001. Beberapa seminar telah dijalankan, diantaranya Seminar Belanjawan di Casuarina Parkroyal, Ipoh pada 4 November 2000. Lebih 40 orang menghadiri seminar tersebut yang disampaikan oleh Encik Harpal Singh.

For the first time, the Branch organised a Members Induction Course for new members on 17 February 2001. The course was conducted by Branch Chairman, Mr Soo Yuit Weng, with 22 participants. Several other seminars that drew active participation from members include seminars on IRB Audit and New MASB Standard.

The MIA President met with over 70 members during a Members' Dialogue session held on 9 March 2001. The dialogue was held to explain to members concerning the changes brought about by the amendments to the Accountants Act, 1967. Members took the opportunity to clarify their concerns relating to this development.

On 10 April 2001, the Branch Committee paid a courtesy visit to Encik Osman Abdullah, Head of IRB, Ipoh. During the visit, both the IRB and the Branch agreed to conduct a joint workshop to explain to the Institute's members regarding the proper procedure to complete Form C for the Year of Assessment 2001. The workshop entitled "Guidance on Completion of Form C for Year of Assessment 2001" was held on 16 May 2001 and drew the participation of 140 members.

MALACCA BRANCH

On 1 November 2000, Mr Lee Hin Kan was appointed Chairman of the newly-formed Malacca Branch. A new Committee was formed with representation from all sectors of the accounting profession, comprising 2 members from the public sector, 2 from the academia, 3 from commerce and industry and 4 private practitioners. At its inaugural Committee meeting, 4 Sub-Committees were formed, i.e. Investigation Committee, Membership and Education Committee, Financial and Management Accounting Committee, and Insolvency, Company Law Practice and Tax Committee. Each Sub-Committee comprised a Chairman and Vice Chairman. The Branch held a total of 4 Committee meetings during the review period.

On 13 March 2001, the Branch arranged for MIA President to meet with the Malacca Mentri Besar YB Datuk Wira Mohd Ali Rustam. Accompanying the President to the Mentri Besar office were Vice-President Mr Yue Sau Him, Branch Chairman Mr Lee Hin Kan and the Committee members.

During the visit, the Mentri Besar and MIA President discussed the need to ensure the public sector kept pace with global accounting trends in order to remain current and relevant. At the meeting, it was highlighted that MIA being a regulatory body was committed in assisting members and other related parties to move in tandem with the current expectations in the profession. The visit had paved the way for fruitful ventures and stronger ties between the Malacca State Government and the Institute.

On the same day, the President also met members at a Members' Dialogue to explain the changes following the Accountants (Amendment) Act 2001, as well as the Institute's role as the regulatory body for the profession.

The Branch was particularly active during May 2001. Apart from courtesy visits to the State's IRB and ROC, the Committee also had a dialogue with the Negeri Sembilan/Malacca Branch of the Malaysian Chamber of Commerce.

Among the items discussed with the IRB and the ROC were greater co-operation, better communication and more joint dialogue sessions to be held between the public and private sectors, particularly in dealing with issues affecting MIA members. The IRB and the ROC also expressed keen interest in disseminating information to the public, including MIA members through the Malacca Branch. Such communication through the Branch will ensure a wider and more effective reach with respect to its target audience.

Buat pertama kali, Cawangan telah mengadakan Kursus Induksi kepada Ahli-ahli baru pada 17 Februari 2001. Kursus dikendalikan oleh Pengerusi Cawangan, Encik Soo Yuit Weng dengan dihadiri oleh 22 orang. Beberapa seminar yang lain juga turut mengundang ramai penyertaan ahli-ahli, termasuk seminar Audit LHDN dan Piawaian Baru MASB.

Presiden IAM telah berjumpa dengan lebih 70 orang ahli semasa Dialog Ahli yang dijalankan pada 9 Mac 2001. Dialog diadakan untuk menjelaskan kepada ahli tentang bakal perubahan daripada pindaan Akta Akauntan, 1967. Ahli yang hadir mengambil peluang untuk mendapat penjelasan keprihatinan mereka tentang pembaharuan ini.

Pada 10 April 2001, Jawatankuasa Cawangan telah melaksanakan kunjung hormat ke pejabat Encik Osman Abdullah, Ketua, LHDN, Ipoh. Semasa lawatan ini, kedua belah pihak bersetuju untuk mengadakan bengkel bersama bagi menerangkan kepada ahli-ahli Institut berkenaan dengan cara yang betul mengisi Borang C untuk Tahun Taksiran 2001. Bengkel bertajuk "Panduan Untuk Mengisi Borang C Bagi Tahun Taksiran 2001" telah dijalankan pada 16 Mei 2001 dan telah mengundang seramai 140 orang ahli.

CAWANGAN MELAKA

Pada 1 November 2000, Encik Lee Hin Kan telah dilantik sebagai Pengerusi di Cawangan Melaka yang baru dibentuk. Satu Jawatankuasa baru dibentuk bagi mewakili semua sektor profesion perakaunan, iaitu 2 ahli daripada sektor awam, 2 wakil akademik, 3 daripada perdagangan dan industri dan 4 pengamal persendirian. Pada mesyuarat sulungnya, 4 Jawatankuasa Kecil dibentuk, iaitu Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Keahlian dan Pendidikan, Jawatankuasa Kewangan dan Perakaunan Pengurusan, dan Jawatankuasa Insolvensi, Amalan Undang-Undang Syarikat dan Percukaian. Setiap Jawatankuasa Kecil mempunyai Pengerusi dan Naib Pengerusi. Cawangan telah mengadakan 4 mesyuarat jawatankuasa sepanjang tahun ini.

Presiden, En. Abdul Samad Haji Alias berjabat tangan dengan Menteri Besar Melaka, YB Datuk Wira Mohd Ali Rustam, manakala En Yue Sau Him, Naib Presiden memerhatikannya

Pada 13 Mac 2001, Cawangan telah mengaturkan pertemuan Presiden IAM dengan Menteri Besar Melaka YB Datuk Wira Mohd Ali Rustam. Mengiringi Presiden ke pejabat Menteri Besar ialah Encik Yue Sau Him, Naib Presiden, Encik Lee Hin Kan, Pengerusi Cawangan dan ahli-ahli Jawatankuasa.

Semasa lawatan, Menteri Besar dan Presiden IAM telah membincangkan keperluan sektor awam untuk mengikuti kemajuan perakaunan global untuk kekal terkini dan relevan. Semasa mesyuarat tersebut, ditekankan IAM sebagai badan pengawal selia adalah komited dalam membantu ahli-ahli dan badan-badan berkaitan untuk bergerak seiring dengan jangkaan semasa dalam profesion. Lawatan ini telah membuka jalan kepada keberhasilan usaha sama dan hubungan kukuh antara Kerajaan Negeri Melaka dengan pihak Institut.

Pada hari yang sama, Presiden telah menemui ahli-ahli pada Dialog Ahli untuk menerangkan perubahan berkaitan Akta Akauntan (Pindaan) 2001, termasuk peranan Institut sebagai badan pengawal selia kepada profesion.

Cawangan bergerak cergas terutamanya menjelang Mei 2001. Selain kunjungan hormat ke LHDN dan ROC negeri, Jawatankuasa juga mengadakan dialog dengan Dewan Perniagaan Malaysia Cawangan Melaka/Negeri Sembilan.

Antara perkara-perkara yang dibincang dengan LHDN dan ROC adalah tentang kerjasama erat, komunikasi berkesan serta sesi dialog bersama yang lebih kerap antara orang awam dengan sektor persendirian, terutamanya isu-isu yang melibatkan ahli-ahli IAM. LHDN dan ROC juga menyatakan persetujuan mereka untuk menyebarkan maklumat kepada orang awam, termasuk ahli-ahli IAM melalui Cawangan Melaka. Komunikasi yang sedemikian melalui Cawangan akan memastikan penyampaian yang lebih meluas dan lebih cekap berhubung dengan khalayak sasaran.

Follow-up discussions were planned to explore opportunities in organising joint seminars, not just with the public sector but also with Negeri Sembilan/Malacca Branch of the Malaysian Chamber of Commerce, so as to better serve the public and members of the various organisations in Malacca. The Negeri Sembilan/Malacca Branch of the Malaysian Chamber of Commerce also expressed keen interest in organising joint dialogue sessions with our Branch in presenting views of the private sector to the various State Government agencies.

Note : MIA members in Malacca and Negeri Sembilan were previously grouped together as a single Branch, which was headed by Mr A. Viknesvaran. In view of the growing number of members in Malacca, a separate Malacca Branch was set up in November 2000. Prior to the separation, the Malacca/Negeri Sembilan Branch organised a highly successful "Education Fair" in Malacca on 22 September 2000, with over 3,000 students and teachers participating in the event. The Fair was officiated by Tuan Haji Mazlan Abdullah from the Malacca Education Department. Among the exhibitors were leading private institutions of higher learning such as Nilai College, Sunway College, Ranger College, Kolej Damansara Utama and Sepang Institute of Technology. The Branch held a total of 4 Committee meetings during the review period.

PAHANG BRANCH

Mr Joseph Foo Tui Lee was appointed Chairman of Pahang Branch with effect from 1 November 2000.

On 21 March 2001, MIA President held a dialogue session with members to explain the changes arising from the Accountants (Amendment) Act 2001. Thereafter, on 10-12 May 2001, the Branch held dialogue and workshop sessions with the Raub and Kuantan IRB officers. The event was organised to educate member firms in Pahang on the new self-assessment system (Form C) introduced by the IRB.

KELANTAN CENTRE

The newly-formed Kelantan Centre had a hectic schedule over the past 6 months. On 15 February 2001, its Chairman Mr Billy Kang Wei Geih was present at a joint meeting with the Chairmen of Pahang Branch and Terengganu Centre, as well as members in the 3 States, to discuss and settle outstanding matters involving the former East Coast Branch. They also discussed the possibility of pooling resources to organise joint activities such as seminars and annual dinners.

A week after the seminar on IRB Field Audit & Amendment to Income Tax Bill No. 44 held on 13 March 2001, members met with MIA President on 19 March 2001 at the Members' Dialogue. The Dialogue gave members an opportunity to obtain first-hand information on the proposed changes in the Accountants (Amendment) Act 2001.

At the Centre's Committee meeting on 24 April 2001, the Committee discussed the possibility of being involved in the Institute's Financial and Management Accounting Committee, and Public Practice and Tax Committee based in Kuala Lumpur. However, in view of the small number of MIA members in the State, the Committee decided to look into these areas themselves, instead of forming Sub-Committees.

On 18 June 2001, the Centre held its second Committee meeting. It was agreed that a meeting between public practitioners would be organised in Kota Bahru to discuss public practice matters and issues such as professional fees, clearance for new tax, and company secretarial and audit clients. It was also agreed that whatever undertaking agreed upon would be on a voluntary basis.

Perbincangan yang akan datang dirancang untuk merangka peluang-peluang dalam menganjurkan seminar-seminar bersama, bukan sahaja dengan sektor awam malah bersama Dewan Perniagaan Malaysia Cawangan Melaka/Negeri Sembilan, supaya dapat berkhidmat lebih baik kepada awam dan ahli-ahli dari pelbagai organisasi di Melaka. Dewan Perniagaan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan/Melaka juga menyatakan kesediaan mereka dalam mengadakan sesi dialog bersama Cawangan bagi menyampaikan pandangan sektor persendirian kepada pelbagai agensi Kerajaan Negeri.

Nota : *Ahli-ahli di Melaka dan Negeri Sembilan dahulunya dihimpunkan sekali dalam satu Cawangan, yang diketuai oleh Encik A. Viknesvaran. Dengan berpendapat bahawa pertambahan jumlah ahli-ahli di Melaka, satu Cawangan Melaka berasingan telah ditubuhkan pada November 2000. Sebelum perpecahan itu, Cawangan Melaka/Negeri Sembilan telah mengadakan Pameran Pendidikan yang sangat berjaya di Melaka pada 22 September 2000 dengan lebih 3,000 pelajar dan pengajar-pengajar mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mazlan Abdullah daripada Jabatan Pendidikan Melaka. Antara pempamer-pempamer adalah institusi pengajian tinggi swasta utama seperti Kolej Nilai, Kolej Sunway, Kolej Ranger, Kolej Damansara Utama dan Institut Teknologi Sepang. Sepanjang tahun ini sebanyak 4 mesyuarat Jawatankuasa telah dijalankan.*

CAWANGAN PAHANG

Encik Joseph Foo Tui Lee telah dilantik sebagai Pengerusi Cawangan Pahang yang berkuatkuasa pada 1 November 2000.

Pada 21 Mac 2001, Presiden IAM mengadakan sesi dialog bersama ahli-ahli untuk menerangkan perubahan-perubahan yang timbul daripada Akta Akauntan (Pindaan) 2001. Selepas itu, pada 10-12 Mei 2001, Cawangan telah mengadakan dialog dan sesi bengkel dengan pegawai-pegawai daripada LHDN Raub dan Kuantan. Program ini dijalankan bagi mendidik ahli firma-firma di Pahang tentang sistem baru taksiran sendiri (Borang C) yang diperkenalkan oleh LHDN.

PUSAT KELANTAN

Pusat Kelantan yang baru dibentuk mempunyai jadual yang padat sepanjang 6 bulan yang lalu. Pada 15 Februari 2001, Pengerusinya Encik Billy Kang Wei Geih telah mengadakan mesyuarat bersama dengan Pengerusi Cawangan Pahang dan Pusat Terengganu, bersama-sama ahli-ahli 3 negeri tersebut, membincangkan dan menyelesaikan perkara-perkara tertangguh yang melibatkan bekas Cawangan Pantai Timur. Mereka juga membincangkan kemungkinan untuk menggembleng sumber bagi menjalankan aktiviti-aktiviti bersama seperti seminar-seminar dan Majlis Makan Malam Tahunan.

Seminggu selepas seminar Bidang Audit LHDN & Pindaan kepada Rang Undang-Undang Cukai No. 44 pada 13 Mac 2001, ahli-ahli telah bertemu dengan Presiden MIA dalam Dialog Ahli pada 19 Mac 2001. Dialog tersebut memberi peluang ahli-ahli untuk memperoleh maklumat langsung berkenaan dengan perubahan-perubahan yang dicadangkan dalam Akta Akauntan (Pindaan) 2001.

Semasa mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada 24 April 2001, Jawatankuasa telah membincangkan kemungkinan untuk mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Kewangan dan Perakaunan Pengurusan, dan Jawatankuasa Amalan Awam dan Cukai berpusat di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, memandangkan bilangan ahli-ahli IAM di negeri adalah kecil, pihak Jawatankuasa berkeputusan untuk meneliti perkara itu sendiri, daripada membentuk Jawatankuasa Kecil.

Pada 18 Jun 2001, Pusat telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa kali kedua. Telah dipersetujui supaya mesyuarat antara para pengamal awam diadakan di Kota Bahru untuk membincangkan perkara-perkara dan isu-isu amalan awam seperti yuran profesional, penjelasan sistem cukai baru, dan kesetiausahaan syarikat serta audit pelanggan. Turut dipersetujui ialah apa juga perkara yang telah dipersetujui dilakukan secara sukarela.

TERENGGANU CENTRE

The Terengganu Centre organised several CPD seminars that included the ROC seminar held in October 2000, the 2001 Budget seminar in November 2000 and the IRB Field Audit in March 2001. Centre Chairman Mr Su Lim, together with members of the Committee, were present at a joint meeting with the Chairmen of Pahang Branch and Kelantan Centre on 15 February 2001 to discuss, *inter alia*, the possibility of jointly organising activities for members.

In March 2001, a dialogue with MIA President on the Accountants (Amendment) Act 2001 was well-received by members. On 29 April 2001, the Centre assisted the IRB in organising the half-day seminar on Guidance on Completion of Form C for the Year of Assessment 2001.

Note : Prior to 1 November 2000, Kelantan, Terengganu and Pahang were grouped together under the East Coast Branch, which was previously headed by Mr Wong Seng Chong. As of 1 November 2000, regional representation was abolished and the 3 States set up individual offices, i.e. Pahang Branch, Kelantan Centre and Terengganu Centre. Prior to its dissolution, the East Coast Branch held several dialogues and seminars during July 2000-October 2000. In conjunction with its Annual Dinner on 7 October 2000, the Branch conducted 2 seminars, i.e. Updates on MASB and Motivation at the Work Place. Pahang Menteri Besar YAB Dato' Seri Adnan Yaacob was the Guest-of-Honour at the Annual Dinner.

JOHORE BRANCH

Members' gathering in Johor Bahru

The Johore Branch, which was formerly known as Southern Branch, continues to build a strong rapport between accountants and related bodies in the accounting fraternity.

On 3 March 2001, MIA President Encik Abdul Samad Haji Alias together with MASB Chairman YM Raja Datuk Arshad Raja Tun Uda held a dialogue with members to discuss, among others, updates on the amendments to the Accountants Act, 1967 and MASB's standards-setting. The dialogue was held in Johor Bahru and attracted over 120 members. Also present at the dialogue were Council members Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff and Encik Abdul Rahim Abdul Hamid.

During the period under review, three tax dialogues were held with the Inland Revenue Board (IRB), with the first being a closed door meeting at the IRB Johor Bahru office on 30 March 2001. The Branch submitted a memorandum on various tax issues and challenges that included the new self-assessment system faced by tax agents and their clients.

At a gathering for members in public practice on 12 April 2001, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff in his capacity as Chairman of the Public Practice and Tax Committee (PPTC) together with Committee member, Mr Peter Lim, met with 80 members to discuss current practice issues and receive feedback on practice image, audit issue, quality control in practice and liberalisation of the accounting profession.

At the second tax dialogue with the IRB in Muar on 19 April 2001, over 15 members from Muar and Segamat attended the dialogue. Also present were Branch Chairman Mr Sam Soh Siong Hoon and Branch Secretary Ms Ng Chen Ling. Altogether, 12 members from Batu Pahat and Kluang attended the tax dialogue in Kluang on 25 April 2001, together with Mr Sam Soh and Branch Committee member Mr Koh Kheng Min.

During the review period, the Branch organised 2 Members Induction Courses for new members and six Continuing Professional Development courses and seminars for members and non-members on topics such as new MASB Standards, Financial Planning, Management Workshop, IRB Field Audits and Tax Amendment Act.

PUSAT TERENGGANU

Pusat Terengganu telah menjalankan beberapa seminar CPD antaranya termasuklah Seminar ROC yang dijalankan pada Oktober 2000, Seminar Belanjawan 2001 pada November 2000 dan Bidang Audit LHDN pada Mac 2001. Pengerusi Pusat Encik Su Lim, bersama ahli-ahli Jawatankuasa, hadir pada mesyuarat bersama Pengerusi Cawangan Pahang dan Pusat Kelantan pada 15 Februari 2001 untuk membincangkan antara lain, kemungkinan untuk bersama-sama mengendalikan aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahli.

Pada Mac 2001, Dialog bersama Presiden mengenai Akta Akauntan (Pindaan) 2001 telah mendapat sambutan daripada ahli-ahli. Pada 29 April 2001, Pusat telah membantu LHDN mengendalikan seminar setengah hari tentang Panduan Mengisi Borang C bagi Tahun Taksiran 2001.

Nota : *Sebelum 1 November 2000, Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah dikelompokkan di bawah Cawangan Pantai Timur, yang diterajui oleh Encik Wong Seng Chong. Selepas 1 November 2000 perwakilan kawasan telah dibubarkan dan ketiga-tiga negeri menubuhkan pejabat-pejabat sendiri, iaitu Cawangan Pahang, Pusat Kelantan dan Pusat Terengganu. Sebelum pembubaran tersebut, Cawangan Pantai Timur telah mengadakan beberapa dialog dan seminar sepanjang Julai 2000-Oktober 2000. Bersempena dengan Majlis Makan Malam Tahunan pada 7 Oktober 2000, Cawangan telah menganjurkan 2 seminar, iaitu Pengemaskinian tentang MASB dan Motivasi di Tempat Kerja. Majlis Makan Malam Tahunan telah dihadiri oleh YAB Dato' Seri Adnan Yaacob, Menteri Besar Pahang selaku Tetamu Kehormat.*

CAWANGAN JOHOR

Cawangan Johor, sebelum ini dikenali sebagai Cawangan Selatan, terus membina hubungan yang kukuh antara para akauntan dengan badan-badan berkaitan dalam lingkungan perakaunan.

Pada 3 Mac 2001, Presiden IAM Encik Abdul Samad Haji Alias bersama-sama dengan Pengerusi MASB YM Raja Datuk Arshad Raja Tun Uda mengadakan dialog bersama ahli-ahli untuk membincangkan, antara lain, pengemaskinian pindaan ke atas Akta Akauntan, 1967 dan pembentukan piawaian MASB. Dialog ini telah diadakan di Johor Bahru dan menarik minat lebih 120 ahli. Turut hadir pada dialog tersebut adalah ahli-ahli Majlis, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dan Encik Abdul Rahim Abdul Hamid.

Sepanjang tempoh yang dilaporkan ini, 3 dialog percukaian telah diadakan bersama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan perjumpaan pertama iaitu mesyuarat tertutup diadakan di pejabat LHDN Johor Bahru pada 30 Mac 2001. Cawangan ini telah menghantar memorandum mengenai pelbagai isu percukaian dan cabaran dalam sistem taksir diri yang dihadapi oleh ejen-ejen cukai dan klien-klien mereka.

Dalam perjumpaan dengan ahli-ahli dalam amalan awam pada 12 April 2001, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dengan kuasanya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Amalan Awam dan Percukaian (PPTC) bersama-sama dengan ahli Jawatankuasa, Encik Peter Lim, bertemu dengan 80 ahli untuk membincangkan isu-isu amalan semasa dan mendapatkan maklum balas mengenai imej amalan, isu audit, kawalan kualiti dalam amalan dan liberalisasi dalam profesion perakaunan.

Dalam dialog percukaian kedua dengan LHDN di Muar pada 19 April 2001, lebih daripada 15 ahli daripada Muar dan Segamat telah hadir. Turut hadir ialah Pengerusi Cawangan Encik Sam Soh Siong Hoon dan Setiausaha Cawangan Cik Ng Chen Ling. Kesemuanya, 12 ahli daripada Batu Pahat dan Kluang hadir ke dialog percukaian di Kluang pada 25 April 2001, bersama-sama dengan Encik Sam Soh dan ahli Jawatankuasa Cawangan Encik Koh Kheng Min.

Sepanjang tempoh yang dilaporkan ini, pihak Cawangan telah mengatur 2 Kursus Induksi untuk Ahli-ahli baru dan 6 kursus dan seminar CPD untuk ahli-ahli dan bukan ahli dengan topik seperti Piawaian MASB yang baru, Perancangan Kewangan, Bengkel Pengurusan, Bidang Audit LHDN dan Akta Pindaan Percukaian.

In line with keeping members updated on current issues that affect the profession, the Branch issued 2 newsletters to members, one each in February and April 2001. The Branch was also involved in assisting Deloitte Kassim Chan in organising the Inter-Accounting Firms Games 2001, which is scheduled to commence in August 2001. A total of 13 firms are expected to participate in the games.

SABAH BRANCH

Sabah Branch office is managed by a Branch Manager, an Administrative Executive and an Administrative Assistant. The Branch office, located on Floor Lot 6, 2nd Floor, Damai Point Commercial Centre in Luyang, Kota Kinabalu, is the regular venue for all meetings, Members Induction Course, career talks, members certificate presentation ceremony, toastmasters' activities, evening talks, dialogues, fellowship gatherings and other members' activities.

In February 2001, the Council appointed 12 members to the Sabah Branch Committee. In addition, there were 7 Committee members in Labuan chapter, 5 in Sandakan chapter and 6 in Tawau chapter. Membership rose by 15% to 540 in June 2001 (468 in October 2000).

	October 2000	June 2001
Kota Kinabalu	322	384
Sandakan	62	68
Tawau	46	47
Labuan	35	33
Lahad Datu	3	3
Keningau	0	2
Membakut	0	1
Papar	0	2
Total	468	540

Sabah Branch conducts monthly Branch Committee meetings in its Kota Kinabalu office. Between October 2000 to June 2001, the number of meetings held by the various Committees were as follows :

Branch	6
CPD	1
Public Practice & Tax	2
Sports & Social	6
Labuan Chapter	1
Sandakan Chapter	2
Tawau Chapter	1

Dalam usaha memastikan ahli-ahli dikemaskinikan dengan isu-isu terkini yang mempengaruhi profesion, Cawangan telah mengeluarkan 2 risalah berita kepada ahli-ahli, setiap satu pada bulan Februari dan April 2001. Pihak Cawangan juga terlibat dalam membantu Deloitte Kassim Chan menganjurkan Pertandingan Antara Firma Perakaunan 2001 yang dijadualkan bermula pada Ogos 2001. Sebanyak 13 firma dijangka akan mengambil bahagian di dalam pertandingan tersebut.

CAWANGAN SABAH

'Regional Accountants Conference 2000' di Sabah. Di sebelah kiri ialah Pengerusi Cawangan Sabah, Puan Alexandra Thien dan di sebelah kanan ialah tetamu kehormat, YB Datuk Tham Nyip Shen.

Pejabat Cawangan Sabah dikendalikan oleh seorang Pengurus Cawangan, Eksekutif Tadbir dan Pembantu Tadbir. Pejabat Cawangan tersebut yang terletak di tapak Lot 6, Tingkat 2, Damai Point Commercial Centre di Luyang, Kota Kinabalu, adalah lokasi tetap bagi kesemua mesyuarat, Kursus Induksi Ahli, ceramah kerjaya, majlis penyampaian sijil ahli, aktiviti-aktiviti 'toastmasters', *ceramah petang, dialog, perjumpaan* 'fellowship' *dan aktiviti-aktiviti ahli yang lain.*

Pada Februari 2001, pihak Majlis telah melantik 12 ahli dalam Jawatankuasa Cawangan Sabah. Selain ini, terdapat 7 ahli Jawatankuasa di Bahagian Labuan, 5 di Bahagian Sandakan dan 6 di Bahagian Tawau. Keahlian meningkat sebanyak 15% menjadikan 540 pada Jun 2001 (468 pada Oktober 2000).

	Oktober 2000	***Jun 2001***
Kota Kinabalu	*322*	*384*
Sandakan	*62*	*68*
Tawau	*46*	*47*
Labuan	*35*	*33*
Lahad Datu	*3*	*3*
Keningau	*0*	*2*
Membakut	*0*	*1*
Papar	*0*	*2*
Jumlah	*468*	*540*

Cawangan Sabah mengadakan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Cawangan di pejabatnya di Kota Kinabalu. Antara Oktober 2000 sehingga Jun 2001, jumlah mesyuarat yang telah diadakan oleh pelbagai jawatankuasa adalah seperti yang berikut :

Cawangan	*6*
CPD	*1*
Amalan Awam & Percukaian	*2*
Sukan & Sosial	*6*
Bahagian Labuan	*1*
Bahagian Sandakan	*2*
Bahagian Tawau	*1*

Toastmasters Club	19
Toastmasters Exco	6

Sabah Branch successfully organised the first Regional Accountants Conference 2000 in Kota Kinabalu in November 2000. International speakers were invited for the 2-day conference, which attracted more than 200 participants. The Branch Annual Dinner was held in conjunction with the conference.

The Branch also organised other CPD seminars and workshops in Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Labuan. In addition, the Branch arranged for monthly evening talks in the office to supplement the programmes organised by the CPD Department. Talks on topics such as KLSE Futures and Options, Stress Management, Wealth Distribution and Islamic Banking, Corporate Governance and MASB standards were well-received by members, apart from other non-technical subjects.

Sports, social and fellowship activities that were organised included family day at Kinarut, bowling (in the dark) and inter-profession golf competition. An Annual Dinner is being planned for October 2001.

MIA President, Vice-President and 2 Council members made their final stop in Kota Kinabalu in March 2001 during their nationwide roadshows to meet members. Subsequently, the Branch Chairperson represented the President in similar dialogues held in Sandakan, Tawau and Labuan.

Members attended their first dialogue with the IRB in June 2001. Practitioners also had a Public Practice and Tax dialogue in the Branch office in June 2001 to discuss issues relating to their professional services.

Members were encouraged to visit the Sabah Branch webpage in the Institute's website for information on its monthly activities. They were also encouraged to participate in the events organised by members of the various Committees, chapters and Sub-Committees in Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Labuan. The Sabah Branch Chairperson urged members to continue to support the Sabah Branch and be part of one of the most active branches in Malaysia.

SARAWAK BRANCH

Sarawak Branch office, situated on the first floor of the Ultimate Professional Centre at 16 Jalan Bukit Mata Kuching, Kuching, is now the Centre for all meetings, Members Induction Course, dialogues, career talks, members certificate presentation ceremony, examinations, briefings and other members' activities.

The office is supported by a Branch Manager and 2 administrative assistants. It is fully functional with a general office, conference room and library. As at 30 June 2001, there were 827 members :

	October 2000	June 2001
Kuching	508	531
Serian	0	1
Sibu	123	144
Sri Aman	1	1
Sarikei	1	2
Bintangor	0	1
Miri	80	104
Baru Niah	1	1
Bintulu	39	40
Limbang	1	2
Total	754	827

Kelab Toastmaster	*19*
Exco Toastmaster	*6*

Cawangan Sabah telah berjaya menganjurkan Regional Accountants Conference 2000 *yang pertama di Kota Kinabalu pada November 2000. Penceramah dari luar negara telah dijemput sepanjang dua hari persidangan diadakan, di mana ia telah menarik lebih dari 200 peserta. Majlis Makan Malam Tahunan turut diadakan bersempena dengan persidangan tersebut.*

Cawangan ini turut menganjurkan seminar dan bengkel CPD lain di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan. Selain itu, Cawangan telah mengatur aktiviti bincang petang secara bulanan di pejabat cawangan tambahan daripada program-program yang dianjurkan oleh Jabatan CPD. Ceramah-ceramah seperti Niaga Hadapan dan Opsyen BSKL, Pengurusan Tekanan, Pengagihan Kekayaan dan Perbankan Islam, Tadbir Urus Korporat dan piawaian MASB telah diterima baik oleh ahli-ahli selain topik-topik bukan teknikal yang lain.

Sukan, sosial dan aktiviti ahli telah diadakan termasuk acara hari keluarga di Kinarut, acara boling dan kejohanan golf. Suatu majlis makan malam tahunan juga dirancang untuk diadakan pada Oktober 2001.

Presiden IAM, Naib Presiden dan 2 ahli Majlis telah berkunjung ke Kota Kinabalu pada Mac 2001 ketika mengadakan lawatan ke seluruh negara untuk bertemu dengan para ahli. Pengerusi Cawangan, kemudiannya mewakili Presiden mengadakan dialog yang hampir sama di Sandakan,Tawau dan Labuan.

Para ahli telah menghadiri majlis dialog pertama bersama LHDN pada Jun 2001. Pengamal juga turut menghadiri majlis dialog Amalan Awam dan Percukaian di pejabat Cawangan pada Jun 2001 untuk membincangkan isu-isu yang berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang dijalankan oleh mereka.

Ahli-ahli digalakkan melawat web Cawangan Sabah melalui laman web Institut untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan aktiviti-aktiviti bulanan yang diadakan. Mereka juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam acara-acara yang dianjurkan oleh ahli-ahli daripada pelbagai Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Kecil di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan. Pengerusi Cawangan Sabah menggesa ahli-ahli untuk terus menyokong Cawangan Sabah dan menjadi sebahagian daripada cawangan yang aktif di Malaysia.

CAWANGAN SARAWAK

Pejabat Cawangan Sarawak yang terletak di Tingkat 1, Ultimate Professional Centre di 16 Jalan Bukit Kuching, Kuching kini merupakan Pusat untuk mengadakan semua mesyuarat, Kursus Induksi Ahli, sesi dialog, ceramah kerjaya, majlis penyampaian sijil untuk ahli-ahli, peperiksaan, penerangan dan lain-lain aktiviti untuk ahli.

Pejabat ini ditunjangi oleh seorang Pengurus Cawangan dengan 2 orang pembantu tadbir. Ianya beroperasi sepenuhnya dengan sebuah pejabat am, bilik persidangan dan perpustakaan. Sehingga 30 Jun 2001 terdapat seramai 827 ahli :

	Oktober 2000	***Jun 2001***
Kuching	*508*	*531*
Serian	*0*	*1*
Sibu	*123*	*144*
Sri Aman	*1*	*1*
Sarikei	*1*	*2*
Bitangor	*0*	*1*
Miri	*80*	*104*
Baru Niah	*1*	*1*
Bintulu	*39*	*40*
Limbang	*1*	*2*
Jumlah	*754*	*827*

The Committee of Sarawak Branch comprised 15 Branch Committee members who were appointed by the Council in February 2001. At the 3 local chapters, there were 11 Committee members in Sibu, 12 in Miri and 7 in Bintulu. During the review period, the number of meetings held by the various Committees were as follows :

Branch	4
Public Practice & Tax	4
Education & CPD	2
Sports & Games	5
Social & Functions	4
Sibu Chapter	8
Miri Chapter	3
Bintulu Chapter	1

In March 2001, MIA President held a Members' Dialogue in Kuching to inform members of the changing role of the Institute and amendments to the Accountants Act. Subsequently, the President was represented by the Sarawak Branch Chairman who carried his message to Sibu, Miri and Bintulu chapters.

During the year, CPD seminars and workshops were conducted in Kuching, Sibu, Miri and Bintulu, covering various topics relevant to members such as MASB Standards, Field Audit, Practical Taxation, Financial Planning and Management, Inventory Management, Income Tax Act and Budget.

The Branch and the 3 chapters organised regular dialogues with the IRB in Kuching, Sibu, Miri and Bintulu. Dialogue with the Employees Provident Fund and an evening talk on Professional Conduct and Ethics were also organised for members in the Branch office.

The Branch Manager and Committee members conducted regular career talks for students in the secondary schools, colleges, institutions of higher learning and universities in Kuching, Kota Sentosa, Kota Samarahan, Sri Aman, Bau, Miri, Sibu and Kapit. The Branch also participated in education fairs to meet students, teachers and parents, which were aimed at promoting the Institute and the accountancy profession.

In addition, the Branch was involved in various social and community events. Members participated in the nationwide tree-planting project co-ordinated by the 2 City Councils in Kuching. The Branch Annual Dinner in October 2000 was graced by the Sarawak State Secretary. Several sports activities were organised for members and staff of member firms, and the winners were selected to play friendly games against ROC, State Treasury Department and local journalists. At chapter levels, the Committees were responsible for their respective local activities organised for the benefit of members

The Branch also encouraged members to visit the Institute's website, especially the Sarawak Branch link, for information on activities and events. Members were also encouraged to give their e-mail addresses to the office, so that relevant information could be sent to them speedily.

Jawatankuasa Cawangan Sarawak terdiri daripada 15 ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis pada Februari 2001. Di 3 bahagian tempatan pula, terdapat seramai 11 orang ahli Jawatankuasa di Sibu, 12 orang di Miri dan 7 orang di Bintulu. Sepanjang tempoh yang dilaporkan ini, jumlah mesyuarat yang telah diadakan oleh pelbagai Jawatankuasa adalah seperti yang berikut :

Cawangan	*4*
Amalan Awam & Percukaian	*4*
Pendidikan & CPD	*2*
Sukan & Permainan	*5*
Sosial & Keramaian	*4*
Bahagian Sibu	*8*
Bahagian Miri	*3*
Bahagian Bintulu	*1*

Pada Mac 2001, Presiden MIA telah mengadakan majlis Dialog bersama ahli-ahli untuk memaklumkan tentang perubahan peranan Institut dan pindaan ke atas Akta Akauntan. Selepas itu, Pengerusi Cawangan Sarawak mewakili Presiden telah menyampaikan mesej beliau ke bahagian Sibu, Miri dan Bintulu.

Sepanjang tahun lalu, seminar dan bengkel CPD telah diadakan di Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu, merangkumi pelbagai topik yang relevan kepada ahli-ahli seperti piawaian MASB, Bidang Audit, Praktikal Percukaian, Perancangan Kewangan dan Pengurusan, Pengurusan Inventori, Akta Cukai Pendapatan dan Belanjawan.

Cawangan Sarawak dan 3 bahagiannya telah menganjurkan dialog bersama LHDN di Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu. Dialog bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan ceramah petang tentang Kelakuan dan Etika Profesional turut diadakan untuk ahli-ahli di pejabat Cawangan.

Pengurus Cawangan dan ahli Jawatankuasa mengadakan ceramah kerjaya untuk para pelajar sekolah menengah, kolej-kolej, institusi pengajian tinggi dan universiti di Kuching, Kota Sentosa, Kota Samarahan, Sri Aman, Bau, Miri, Sibu dan Kapit. Cawangan juga turut mengambil bahagian dalam pameran pendidikan untuk bertemu dengan pelajar-pelajar, guru-guru dan ibu-bapa yang merupakan sasaran bagi memperkenalkan Institut dan kerjaya perakaunan.

Seterusnya, Cawangan juga terlibat dalam pelbagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Ahli-ahli mengambil bahagian dalam 'Projek Menanam Pokok Seluruh Negara' yang dianjurkan oleh 2 Majlis Bandaraya di Kuching. Majlis Makan Malam Cawangan pada Oktober 2000 telah dirasmikan oleh Setiausaha Negeri Sarawak. Beberapa acara sukan dianjurkan untuk ahli-ahli serta kakitangan ahli-ahli firma, dan pemenangnya dipilih untuk perlawanan persahabatan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat, Jabatan Kewangan Negeri dan wartawan tempatan. Pada peringkat bahagian, Jawatankuasa bertanggungjawab terhadap semua aktiviti di bahagiannya yang dianjurkan untuk kebaikan para ahli.

Cawangan turut menggalakkan ahli-ahli untuk melawat laman web Institut, terutama sekali ke web Cawangan Sarawak untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti-aktiviti dan acara-acara yang disediakan. Para ahli juga digalakkan untuk memberi alamat e-mel mereka kepada pejabat Cawangan supaya sebarang maklumat yang releven dapat disampaikan kepada mereka dengan segera.

CONCLUSION

Since its activation in 1987, the Institute has undergone numerous changes and faced many challenges. With the implementation of the Accountants (Amendment) Act 2001 and the impending liberalisation and globalisation of services, especially accountancy services, the Institute will be facing its greatest challenges yet.

However, one factor remains constant throughout the years, that is, the commitment of the Institute and its Council to serve the profession and the country to the best of its ability. This is reflected in this report.

In serving the country, the Council continues to work with and support the work of regulatory authorities such as the ROC, IRB, KLSE, SC and BNM, and the Ministries of Finance, Education, Domestic Trade and Consumer Affairs, International Trade and Industry and other Ministries. The Council would also like to thank the regulatory authorities and the Ministries for their support and encouragement in the projects and activities of the Institute.

The Council would not have been able to achieve the successes of the Institute during the past year without the co-operation and support of the members of the various Committees, Task Forces and Working Groups, including those at the Institute's Branches and Centres. The support and contributions of other individual members have also eased the burden of the Council. To all these members, the Council would like to extend its heartfelt thanks.

Another factor which has remained constant throughout is the unfailing commitment and dedication of the staff of the Institute's Secretariat to carry out their duties to the best of their abilities in various circumstances. The Council would like to thank the Secretariat staff for their support and hard work.

On behalf of the Council

ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
President and
Chairman of the Council

KESIMPULAN

Semenjak pengaktifannya pada tahun 1987, Institut telah melalui banyak perubahan dan pelbagai cabaran. Dengan pelaksanaan Akta Akauntan (Pindaan) 2001 dan liberalisasi serta globalisasi perkhidmatan yang akan berlaku terutama dalam perkhidmatan perakaunan, Institut ini dijangka akan menghadapi cabaran yang hebat kelak.

Walau bagaimanapun, satu faktor kekal berterusan sepanjang tahun adalah iltizam dari Institut dan Majlis dalam menyumbang kepada profesion dan negara hingga ke tahap terbaik setakat yang termampu. Ini dapat dilihat melalui laporan ini.

Dalam memberikan khidmat kepada negara, Majlis akan terus bekerja dan menyokong kerja-kerja badan berperaturan seperti ROC, LHDN, BSKL, SC dan BNM, serta Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan kementerian-kementerian yang lain. Majlis juga berterima kasih kepada badan-badan berperaturan dan kementerian-kementerian atas sokongan dan galakan dalam semua projek dan aktiviti yang dijalankan oleh Institut.

Majlis tidak mungkin dapat mencapai kejayaan untuk Institut sepanjang tahun lalu tanpa kerjasama dan sokongan ahli-ahli daripada pelbagai Jawatankuasa, Badan-badan Bertindak serta Kumpulan-kumpulan Kerja, termasuk juga mereka yang berada di Cawangan-cawangan dan Pusat-pusat Institut. Sokongan dan sumbangan ahli-ahli individu juga turut membantu meringankan beban yang dipikul oleh Majlis. Kepada semua ahli, Majlis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Faktor lain yang mendorong kejayaan Institut adalah iltizam dan dedikasi yang berterusan daripada kakitangan Institut yang telah melaksanakan tugas dengan baik dalam apa jua keadaan. Majlis mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Institut atas sokongan dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas.

Bagi pihak Majlis

ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Presiden dan
Pengerusi Majlis

CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL ON THE ACCOUNTS OF THE MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS FOR THE YEAR ENDED 30 JUNE 2001

